



مجلس فرباندرن كوتابهارى باندرى اسلام

NO. RUJUKAN : MPKB-BRI 134/1979 JLD 5 ()
TARIKH : 26 OKTOBER 2025

MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM

JAWATAN KOSONG (*CONTRACT FOR SERVICE*)

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang berkelayakan berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih dari 54 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan berikut :

BIL	JAWATAN	GRED	KUMPULAN PERKHIDMATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
1	Penolong Pegawai Undang – Undang	L5	Pelaksana	Perundangan & Kehakiman	Minimum RM 1,650.00	Maksimum RM 6,620.00 ITKA RM 160.00 ITP RM 300.00 BSH RM 300.00 KGT RM 145.00
2	Penolong Pegawai Penilaian	W5	Pelaksana	Kewangan	Minimum RM 1,650.00	Maksimum RM 6,620.00 ITKA RM 160.00 ITP RM 300.00 BSH RM 300.00 KGT RM 145.00
3	Penolong Akauntan	W5	Pelaksana	Kewangan	Minimum RM 1,650.00	Maksimum RM 6,620.00 ITKA RM 160.00 ITP RM 300.00 BSH RM 300.00 KGT RM 145.00

1. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- A. Warganegara Malaysia;
- B. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

Jawatan 1 : Penolong Pegawai Undang – Undang Gred L5 (Contract For Service)

- a) (i) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L5 : RM 1,893.00); atau
- (ii) Diploma dalam bidang Undang – Undang yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred L5 : RM 1,974.00).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 2 : Penolong Pegawai Penilaian Gred W5 (Contract For Service)

- a) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,731.00); atau
- (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,731.00); atau
- (iii) Diploma Pengurusan Harta Tanah atau Diploma dalam bidang Pengurusan Harta Benda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,974.00).

b) Syarat Kelayakan Bahasa Melayu

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Jawatan 3 : Penolong Akauntan Gred W5 (Contract For Service)

- a) (i) Sijil dalam bidang Pengajian Perniagaan atau Penyimpanan Kira yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,650.00); atau
- (ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,650.00); atau
- (iii) Diploma Perakaunan atau Diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan, Kewangan atau Perbankan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 1,893.00); atau
- (iv) *Licentiate of the Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom* dalam bidang Kewangan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred W5 : RM 2,136.00).
- b) **Syarat Kelayakan Bahasa Melayu**
Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

2. CARA PERMOHONAN :

- 2.1 Permohonan hendaklah dibuat melalui laman sesawang MPKB-BRI di alamat: <https://mpkbbri.kelantan.gov.my/>
- 2.2 Pemohon dalam perkhidmatan Kerajaan / Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memajukan borang permohonan melalui Ketua Jabatan masing - masing dengan melampirkan Laporan Sulit dan Penyata Perkhidmatan yang terkini mengikut perintah Am Bab A 17.
- 2.3 Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan gambar ukuran passport, salinan kad pengenalan / surat beranak, sijil berhenti sekolah, sijil persekolahan dan dokumen - dokumen lain yang berkaitan.
- 2.4 Permohonan yang lengkap hendaklah diisi secara atas **talian mulai 28 Oktober 2025 sehingga 01 November 2025.**

Perhatian

- i) Permohonan yang lewat diisi tidak akan dilayan.
- ii) Hanya calon - calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii) Pemohon - pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan anda tidak berjaya.